

Bancian bermula 6 Julai

KUALA LUMPUR – Orang ramai diminta memberi maklumat yang tepat kepada petugas Jabatan Perangkaan Malaysia yang akan menjalankan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 mulai 6 Julai hingga 22 Ogos ini.

Jabatan itu dalam kenyataannya memberitahu, seramai 30,000 tenaga kerja dilantik secara sambilan untuk bancian selama 48 hari di seluruh negara.

“Segala maklumat yang diberi individu dijamin sulit serta tidak boleh dihebohkan dan kerajaan akan menggunakan hasil maklumat untuk perancangan pembangunan sosio-ekonomi negara.

“Maklumat banci sangat penting kepada negara dalam mencapai kecemerlangan perancangan, penggubalan dan pelaksanaan polisi,” katanya di sini semalam.

Menurutnya, sesiapa yang enggan menjawab, memberi maklumat palsu serta tidak mematuhi mana-mana peruntukan akta dan peraturan banci akan disabitkan kesalahan di bawah Akta Banci 1960.

Info Siapa yang terlibat dalam Banci Penduduk

- Bayi yang lahir pada atau sebelum Hari Banci dan masih hidup pada Hari Banci.

Penyewa, penumpang, pelawat, pembantu rumah, orang tua, saudara-mara yang biasa tinggal bersama selama 6 bulan atau lebih.

- Ahli biasa yang tiada di tempat kediaman buat sementara waktu kerana bekerja, berkursus, bercuti, melancong ke dalam dan luar negara serta lain-lain yang kurang dari 6 bulan.
- Pelajar (sekolah rendah dan menengah) yang tinggal di asrama di dalam negara pada tahun 2010.

Sesiapa yang berada/akan berada di hospital untuk tempoh kurang dari 6 bulan dalam tahun 2010.

- Orang yang meninggal dunia pada atau selepas Hari Banci.

Mereka yang baru balik dari luar negara dan bercadang untuk tinggal lebih 6 bulan.